

# Pemain takraw terima ijazah

SERDANG 11 Ogos – Kesibukan menjalani latihan sebagai atlet negara dan menyertai pelbagai kejohanan bukan penghalang kepada apit kanan skuad sepak takraw, Mohd. Azlan Abdul Mubin (gambar) untuk memenuhi impian menggenggam segulung ijazah.

Semalam, beliau membuktikannya apabila menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani sempena Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) kali ke-33 di sini.

Mohd. Azlan yang berjaya membantu skuad negara menggondol dua pingat perak pada Sukan Asia 2006 di Doha, Qatar yakin atlet yang mempunyai kelayakan akademik lebih mudah merancang masa depan mereka.

"Atlet berpendidikan tinggi mudah mengatur masa depan mereka untuk terus berjaya sama ada di dalam bidang sukan atau sebaliknya," kata anak kelahiran Kedah yang berusia 26 tahun ini.

Menurutnya, atlet yang menolak peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi mungkin terpaksa mencebur satu bidang sahaja.

Beliau sebaliknya merancang untuk menjadi jurulatih sukan sepak takraw dan membina kerjaya dalam bidang pendidikan jasmani yang turut berkait rapat dengan sukan.

Mohd. Azlan sebelum ini terpaksa menangguhkan pelajarannya selama dua semester kerana mewakili negara dalam beberapa kejohanan sukan.

Ditemani ibunya, Haminah Senawi, 63, dan isteri, Noremy Md. Akhir, 27, beliau mampu mengukir senyum bangga apabila akhirnya berjaya menamatkan pengajian.

